



KUALITI HIDUP MALAYSIA 2011



Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan



Kualiti Hidup Malaysia 2011



Diterbitkan oleh:
UNIT PERANCANG EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA

ISBN 978-967-5842-03-0



9 789675 842030

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Pengarah,
Unit Perancang Ekonomi,
Jabatan Perdana Menteri,
Blok B5 & B6,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya,
MALAYSIA

<http://www.epu.gov.my>
emel: epu@epu.gov.my

Tel.: 603-8872 3333
Faks: 603-8888 3755

Dikeluarkan pada Jun 2012


Naskah jualan boleh diperolehi daripada:
Pengurus Besar
Percetakan Nasional Berhad
Jalan Chow Sow Lin
50554 Kuala Lumpur

Tel.: 603-9236 6895
Faks: 603-9222 4773

Harga: RM20.00

Hakcipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2012
www.printnasional.com.my
emel: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

KATA ALU-ALUAN

K

erajaan sentiasa mengamalkan pendekatan seimbang dalam pembangunan negara dengan memberi penekanan kepada kedua-dua aspek pertumbuhan ekonomi serta kualiti hidup rakyat. Kualiti hidup rakyat diukur bukan sahaja berdasarkan jumlah pendapatan tetapi juga faktor bukan kewangan seperti kesejahteraan fizikal, psikologi dan sosial yang meliputi aspek kesihatan, keselamatan, perumahan, pendidikan, alam sekitar, kebudayaan dan liburan, pengangkutan dan komunikasi, penyertaan sosial, kehidupan keluarga dan persekitaran kerja. Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) diperkenalkan pada tahun 1999 untuk memantau peningkatan kualiti hidup rakyat bagi tempoh 1980-1998 dan Kualiti Hidup Malaysia 2011 melaporkan pencapaian pada tahun 2010.



Bagi tempoh 2000-2010, walaupun Malaysia berhadapan dengan beberapa cabaran berikutan kelembapan ekonomi global dan ketidakstabilan geopolitik, negara masih mampu mencatat pertumbuhan ekonomi yang mampan iaitu pada kadar 5.0 peratus setahun. Lebih bermakna lagi, pertumbuhan ekonomi ini juga turut disertai dengan peningkatan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat berikutan pelaksanaan program afirmatif dan spesifik oleh Kerajaan.

Namun, Kerajaan berhasrat untuk mempertingkat lagi kualiti hidup rakyat selaras dengan aspirasi untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah melancarkan Dasar Transformasi Nasional yang merangkumi empat tonggak utama, iaitu Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Politik dan Program Transformasi Luar Bandar.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Noemher" followed by a stylized arrow-like symbol pointing to the right.

TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Putrajaya

PRAKATA

*I*ndeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) menilai tahap kesejahteraan rakyat dalam satu tempoh masa tertentu. Laporan pertama Kualiti Hidup Malaysia (KHM) diterbitkan pada tahun 1999. Laporan KHM 2011 ini merupakan penerbitan siri keempat yang melaporkan perubahan kualiti hidup bagi tempoh 2000-2010.

IKHM merupakan komposit indeks yang merangkumi 11 komponen yang berkait rapat dengan konsep kualiti hidup. Komponen tersebut adalah terdiri daripada pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, pengangkutan dan komunikasi, kesihatan, pendidikan, perumahan, alam sekitar, kehidupan keluarga, penyertaan sosial, keselamatan awam serta kebudayaan dan liburan. Beberapa indikator bagi komponen tertentu telah disemak semula supaya selaras dengan keperluan dan perubahan semasa. Dengan semakan semula ini, IKHM kini mempunyai sebanyak 45 indikator yang merangkumi semua komponen.



IKHM dapat digunakan sebagai petunjuk bagi memahami perubahan dan kemajuan kualiti hidup rakyat yang merangkumi aspek fizikal, sosial, ekonomi dan psikologi. Ini membolehkan penilaian keberkesanan dasar ekonomi secara menyeluruh dan seterusnya memberi panduan dalam perancangan dasar dan strategi pembangunan sosioekonomi pada masa hadapan.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak yang terlibat dalam menyediakan laporan ini dan mengucapkan terima kasih kepada pelbagai agensi kerajaan di atas bantuan yang diberi dalam menjayakan penerbitan laporan ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Rahmat".

DATUK DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF

Ketua Pengarah

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

ISI KANDUNGAN

Pengenalan	2
Pencapaian Keseluruhan	6
Pendidikan	10
Pengangkutan dan Komunikasi	14
Perumahan	16
Kebudayaan dan Liburan	19
Pendapatan dan Pengagihan	21
Keselamatan Awam	23
Kesihatan	25
Penyertaan Sosial	27
Alam Sekitar	29
Persekutuan Kerja	31
Kehidupan Keluarga	34
Penutup	38
Lampiran	
Lampiran 1 Jadual Perangkaan	40
Lampiran 2 Nota Teknikal	49
Lampiran 3 Rasional Pemilihan Komponen	55

SENARAI JADUAL

Jadual 1 Komponen Indeks Kualiti Hidup Malaysia, 2010	3
Jadual 2 Indeks Kualiti Hidup Malaysia, 2010	6
Jadual 3 Komponen Indeks Kualiti Hidup Malaysia, 2000-2010	8

SENARAI CARTA

Carta 1-1	Indeks Komposit Kualiti Hidup Malaysia, 2000-2010	7
Carta 2-1	Perbandingan IKHM Mengikut Komponen, 2000, 2005 dan 2010	9
Carta 3-1	Pendidikan, 2000-2010	10
Carta 3-2	Nisbah Guru-pelajar.....	11
Carta 3-3	Kadar Celik Huruf	11
Carta 3-4	Kadar Penyertaan.....	12
Carta 4-1	Pengangkutan dan Komunikasi, 2000-2010	14
Carta 4-2	Indikator Pengangkutan dan Komunikasi Terpilih	15
Carta 5-1	Perumahan, 2000-2010	16
Carta 5-2	Indikator Perumahan Terpilih	17
Carta 6-1	Kebudayaan dan Liburan, 2000-2010	19
Carta 6-2	Indikator Kebudayaan dan Liburan Terpilih.....	20
Carta 7-1	Pendapatan dan Pengagihan, 2000-2010	21
Carta 7-2	Indikator Pendapatan dan Pengagihan Terpilih	22
Carta 8-1	Keselamatan Awam, 2000-2010	23
Carta 8-2	Indikator Keselamatan Awam Terpilih	24
Carta 9-1	Kesihatan, 2000-2010	25
Carta 9-2	Indikator Kesihatan Terpilih	26
Carta 10-1	Penyertaan Sosial, 2000-2010	27
Carta 10-2	Indikator Penyertaan Sosial Terpilih	28
Carta 11-1	Alam Sekitar, 2000-2010	29
Carta 11-2	Indikator Alam Sekitar Terpilih	30
Carta 12-1	Persekutaran Kerja, 2000-2010	31

Carta 12-2	Indikator Persekutaran Kerja Terpilih	32
Carta 13-1	Kehidupan Keluarga, 2000-2010	34
Carta 13-2	Indikator Kehidupan Keluarga Terpilih	35

ARTIKEL KOTAK

Kotak 1	Pendidikan Awal Kanak-kanak	13
Kotak 2	Perumahan	17
Kotak 3	Gaji Minimum Kebangsaan	33

PENGENALAN



PENGENALAN

aporan Kualiti Hidup Malaysia (KHM), 2011 bertujuan menilai keberkesanannya dasar dan program pembangunan sosioekonomi kepada kualiti hidup rakyat Malaysia bagi tempoh 2000-2010. Laporan ini merupakan penerbitan yang keempat selepas laporan KHM yang diterbitkan pada tahun 1999, 2002 dan 2004. Kualiti hidup didefinisikan sebagai merangkumi kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, akses dan kebebasan untuk memperoleh pengetahuan dan menikmati taraf hidup yang melebihi keperluan asas dan psikologi individu untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial seiring dengan aspirasi negara¹.

Laporan KHM, 2011 menganalisis perubahan tahap kualiti hidup rakyat Malaysia bagi tempoh 2000-2010 berdasarkan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) dengan menggunakan tahun 2000 sebagai tahun asas. IKHM merupakan satu ukuran aggregat bagi menilai kesejahteraan individu, keluarga dan masyarakat di Malaysia. IKHM 2010 dikira menggunakan 45 indikator bagi 11 komponen (rujuk *Jadual 1*). Indikator yang dipilih bagi perkiraan IKHM mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat dan rakyat di Malaysia. Indikator ini juga dipilih berdasarkan ketersediaan data siri masa sejak tahun 1990.

Secara umumnya, negara paling maju mempunyai tahap kualiti hidup yang terbaik. Justeru, tahap kualiti hidup yang tinggi merupakan ciri penting bagi Malaysia selaras dengan matlamat untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Rakyat Malaysia bukan sahaja menikmati pertumbuhan ekonomi yang mampan dan pendapatan per kapita yang lebih tinggi malah menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Ini bermakna rakyat Malaysia juga dapat merasai antaranya, perkhidmatan pendidikan dan kesihatan yang lebih berkualiti, alam sekitar yang lebih terpelihara, persekitaran kerja yang kondusif serta sistem pengangkutan dan komunikasi yang cekap. Taraf hidup rakyat juga dipertingkat lagi dengan kediaman yang sesuai dan selesa dalam persekitaran yang harmoni dan selamat.

¹ Merujuk kepada definisi dalam Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999

Jadual 1: Komponen Indeks Kualiti Hidup Malaysia, 2010

Komponen	Indikator
Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar Celik Huruf • Kadar Penyertaan Prasekolah • Kadar Penyertaan Sekolah Menengah • Kadar Penyertaan Tertiari • Nisbah Guru-pelajar Sekolah Rendah • Nisbah Guru-pelajar Sekolah Menengah • Peratusan Guru Siswazah
Pengangkutan dan Komunikasi	<ul style="list-style-type: none"> • Kereta dan Motosikal Persendirian (bagi setiap '000 penduduk) • Telefon Talian Tetap dan Mudah Alih (bagi setiap '000 penduduk) • Pelanggan Internet Termasuk Jalur Lebar (bagi setiap '000 penduduk) • Indeks Pembangunan Jalan Raya
Perumahan	<ul style="list-style-type: none"> • Peratusan Unit Rumah Kos Rendah kepada Jumlah Isi Rumah Berpendapatan Rendah • Peratusan Unit Rumah dengan Bekalan Air Paip • Peratusan Unit Rumah dengan Bekalan Elektrik
Kebudayaan dan Liburan	<ul style="list-style-type: none"> • Keahlian Perpustakaan Awam • Penonton Televisyen • Penginap Hotel Domestik • Penonton Istana Budaya • Pelawat Muzium • Pengunjung Pawagam
Pendapatan dan Pengagihan	<ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan Per Kapita Sebenar • Pekali Gini • Kadar Kemiskinan

Komponen	Indikator
Keselamatan Awam	<ul style="list-style-type: none"> • Jenayah (bagi setiap '000 penduduk) • Kemalangan Jalan Raya (bagi setiap '000 kenderaan)
Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Jangka Hayat Semasa Lahir bagi Lelaki • Jangka Hayat Semasa Lahir bagi Perempuan • Nisbah Doktor-penduduk • Kadar Kematian Bayi (bagi setiap '000 kelahiran hidup) • Kadar Kematian Ibu Bersalin
Penyertaan Sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Pengundi Berdaftar (peratusan daripada penduduk berumur 21 tahun dan ke atas) • Keahlian dalam Pertubuhan Bukan Bermotifkan Keuntungan Berdaftar • Persatuan Penduduk Berdaftar
Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Kualiti Udara (peratusan stesen dengan IPU <50) • Kualiti Air (peratusan sungai bersih yang dipantau) • Kawasan Berhutan
Kehidupan Keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • Nisbah Perceraian (peratusan daripada penduduk berumur 18-50 tahun) • Saiz Isi Rumah • Jenayah Juvana (peratusan daripada penduduk berumur 10-18 tahun) • Pendapatan Purata Isi Rumah
Persekuturan Kerja	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar Pengangguran • Pertikaian Perusahaan • Kehilangan Hari Bekerja kerana Tindakan Perusahaan • Kadar Kemalangan Perusahaan • Kesaksamaan Gender dalam Penyertaan Tenaga Buruh

PENCAPAIAN KESELURUHAN



PENCAPAIAN KESELURUHAN IKHM 2010

Kualiti Hidup Malaysia, 2000-2010

 secara keseluruhannya, tahap kualiti hidup di Malaysia telah meningkat dalam tempoh 2000-2010, dengan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) meningkat sebanyak 11.9 mata. Kesemua 11 komponen IKHM telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun asas, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2*. Komponen pendidikan mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak 20.4 mata, diikuti oleh pengangkutan dan komunikasi dan perumahan.

Peningkatan kadar penyertaan di peringkat prasekolah dan sekolah menengah, nisbah guru-pelajar yang lebih baik serta kadar celik huruf yang lebih tinggi telah melonjakkan **sub-indeks pendidikan**. Peningkatan bilangan pemilikan kenderaan persendirian dan perkembangan pesat teknologi komunikasi menyumbang kepada peningkatan **sub-indeks pengangkutan dan komunikasi**. **Sub-indeks perumahan** mendapat faedah daripada peningkatan ketara peratusan unit perumahan kos rendah kepada jumlah isi rumah berpendapatan rendah dan peratusan rumah dengan bekalan air paip dan elektrik.


Jadual 2

Indeks Kualiti Hidup Malaysia, 2010	
Komponen	Sub-indeks
Pendidikan	120.4
Pengangkutan dan Komunikasi	120.3
Perumahan	115.7
Kebudayaan dan Liburan	113.5
Pendapatan dan Pengagihan	113.3
Keselamatan Awam	110.8
Kesihatan	110.5
Penyertaan Sosial	110.1
Alam Sekitar	106.6
Kehidupan Keluarga	104.6
Persekutuan Kerja	104.6
Indeks Kualiti Hidup Malaysia	111.9

Nota: Tahun Asas 2000 = 100

Carta 1-1

Indeks Komposit Kualiti Hidup Malaysia, 2000-2010




Sub-indeks kebudayaan dan liburan yang lebih tinggi adalah berikutan pertambahan bilangan pelawat muzium dan Istana Budaya, selain dari peningkatan bilangan penginap hotel domestik dan keahlian perpustakaan awam. Semua indikator di bawah **sub-indeks pendapatan dan pengagihan** meningkat seiring dengan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan pada tahun 2010. Di samping itu, pelaksanaan program pembasmian kemiskinan di kawasan luar bandar dan bandar juga telah mengurangkan kadar kemiskinan dan menambahbaik agihan pendapatan. **Sub-indeks keselamatan awam** pula mencatatkan perkembangan positif hasil daripada penurunan kadar jenayah dan jumlah kemalangan.

Jadual 3: Komponen Indeks Kualiti Hidup Malaysia, 2000-2010

Tahun / Komponen	Pendidikan	Pengangkutan dan Komunikasi	Perumahan	Kebudayaan dan Liburan	Pendapatan dan Pengagihan	Keselamatan Awam	Kesihatan	Penyertaan Sosial	Alam Sekitar	Kehidupan Keluarga	Persekutuan Kerja	Indeks Komposit
1990	88.2	90.6	79.9	92.0	88.4	125.2	89.3	95.1	107.3	94.9	80.8	93.8
2000	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
2001	101.0	102.3	102.2	95.1	97.7	103.0	99.7	101.0	101.2	100.3	99.3	100.2
2002	102.4	103.8	103.4	102.8	96.1	105.1	101.7	101.0	107.1	100.4	99.3	102.1
2003	104.1	105.4	103.8	99.8	96.9	104.5	104.4	102.3	107.9	101.3	101.0	102.8
2004	105.6	107.3	105.9	102.2	97.6	103.6	106.2	103.3	106.2	99.0	103.0	103.6
2005	106.0	115.2	108.0	104.5	102.3	109.0	106.9	96.8	105.3	97.2	101.2	104.8
2006	108.3	108.9	110.8	104.8	107.4	105.9	108.1	98.1	98.7	100.0	103.5	105.0
2007	111.1	110.9	108.4	106.5	112.2	104.9	107.8	101.6	100.3	99.0	106.5	106.3
2008	115.3	113.4	111.7	108.6	112.3	107.7	108.4	103.5	101.9	101.0	105.7	108.1
2009	117.9	115.9	113.3	110.3	112.1	107.8	109.1	106.1	100.9	100.8	103.5	108.9
2010	120.4	120.3	115.7	113.5	113.3	110.8	110.5	110.1	106.6	104.6	104.6	111.9


Jangka hayat semasa lahir yang lebih tinggi, kadar kematian ibu semasa bersalin yang lebih rendah serta peningkatan ketara dalam nisbah doktor-penduduk mengukuhkan **sub-indeks kesihatan**. **Sub-indeks penyertaan sosial** pula mencatatkan perubahan positif selaras dengan pertambahan bilangan persatuan penduduk berdaftar dan jumlah keahlian dalam pertubuhan bukan bermotifkan keuntungan. Peningkatan jumlah sungai bersih serta pertambahan kawasan yang mencatatkan kualiti udara yang baik telah memberi kesan positif kepada **sub-indeks alam sekitar**. **Sub-indeks kehidupan keluarga** meningkat hasil daripada peningkatan pendapatan isi rumah dan penurunan peratusan jenayah juvana. Walau bagaimanapun, peningkatan bilangan perceraian memberi kesan negatif kepada pencapaian indeks. Jumlah kemalangan perusahaan yang berkurang serta penurunan bilangan pertikaian perusahaan dan jumlah kehilangan hari bekerja kerana tindakan perusahaan telah meningkatkan **sub-indeks persekitaran kerja**.

Carta 2-1




Sub-indeks pendidikan mencatat skor tertinggi iaitu meningkat kepada 120.4 pada tahun 2010. Ini disumbangkan oleh kadar celik huruf, kadar penyertaan sekolah, nisbah guru-pelajar bagi sekolah rendah dan menengah serta peratusan guru siswazah di sekolah yang lebih baik. Kadar penyertaan prasekolah bagi kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun telah meningkat daripada 5.1 peratus pada tahun 2000 kepada 44.5 peratus pada tahun 2010. Kesedaran mengenai kepentingan pendidikan di peringkat prasekolah dan pertambahan bilangan prasekolah merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kadar penyertaan yang tinggi. Sehingga tahun 2010, sebanyak 8,217 prasekolah telah ditubuhkan. Di samping itu, program pendidikan awal untuk kanak-kanak yang berumur empat tahun dan ke bawah diperkuuh dengan penubuhan Pusat Anak Permata Negara (PAPN) pada tahun 2007. Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran ditingkat selaras dengan nisbah guru-pelajar yang lebih baik. Nisbah guru-pelajar di sekolah rendah bertambah baik, daripada 1:19 pada tahun 2000 kepada 1:13 pada tahun 2010 dan bagi sekolah menengah pula daripada 1:18 kepada 1:13. Peratusan guru siswazah meningkat daripada 25.9 peratus pada tahun 2000 kepada 55.8 peratus pada tahun 2010.

Carta 3-1




Carta 3-2



Carta 3-3



Carta 3-4



KOTAK 1: PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Usia awal kanak-kanak merupakan peringkat terpenting dalam pembangunan mental kanak-kanak. Kajian menunjukkan pendidikan awal kanak-kanak mempunyai impak positif yang besar terhadap aspek sosial dan ekonomi sehingga mereka dewasa. Bagi tujuan ini, Kerajaan memberi tumpuan yang lebih terhadap penyediaan lebih banyak peluang pendidikan awal kanak-kanak.

Program Prasekolah

Program ini bertujuan memastikan semua kanak-kanak mendapat akses kepada pendidikan awal yang berkualiti. Pada tahun 2010, 67.0 peratus kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun telah mendapat akses kepada pendidikan awal kanak-kanak di peringkat prasekolah berdaftar berbanding 63.6 peratus pada tahun 2005. Sasaran seterusnya ialah untuk mencapai 87.0 peratus enrolmen pada tahun 2012 dan 92.0 peratus menjelang tahun 2015.

Sehingga tahun 2011, sebanyak 8,831 kelas prasekolah telah diwujudkan di sekolah bantuan penuh Kerajaan. Ini telah memberi akses kepada seramai 175,276 kanak-kanak untuk mengikuti prasekolah. Dalam tempoh 2012-2015, sebanyak 615 buah prasekolah tambahan dicadang untuk diwujudkan.

Pusat Anak Permata Negara (PAPN)


Program PERMATA merupakan salah satu agenda negara dalam memastikan pendidikan berkualiti diberikan kepada kanak-kanak berumur 4 tahun dan ke bawah. Sehingga tahun 2011, sebanyak 52 buah PAPN telah beroperasi dan memberi manfaat kepada 1,300 kanak-kanak. Sejumlah 181 buah PAPN akan dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10, 2011-2015 yang dijangka memberi manfaat kepada lebih 4,500 kanak-kanak.

Tabika KEMAS

Sehingga 2011, sebanyak 9,966 buah tabika telah diwujudkan di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan sebanyak 500 buah akan disiapkan pada tahun 2012. Seramai 198,000 kanak-kanak di kawasan pinggir bandar, luar bandar dan Orang Asli akan mendapat akses kepada pendidikan awal menjelang tahun 2015.

Carta 4-1


Pengangkutan dan Komunikasi, 2000-2010




Sub-indeks pengangkutan dan komunikasi meningkat sebanyak 20.3 mata pada tahun 2010. Perkembangan yang pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi adalah faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan sub-indeks tersebut. Bilangan langganan telefon bagi setiap 1,000 penduduk, meliputi talian tetap dan mudah alih telah meningkat lebih 3 kali ganda daripada 421 bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2000 kepada 1,339 pada tahun 2010. Di samping itu, peluasan infrastruktur jalur lebar juga telah meningkatkan penggunaan perkhidmatan Internet yang ditunjukkan oleh pertambahan bilangan pelanggan Internet daripada hanya 71 kepada 167 bagi setiap 1,000 penduduk. Tahap pendapatan yang lebih tinggi serta pengenalan model baru kereta penumpang pula menyumbang kepada peningkatan pemilikan kenderaan persendirian.

Carta 4-2



Carta 5-1**Perumahan, 2000-2010**

Sub-indeks perumahan meningkat sebanyak 15.7 mata kepada 115.7 pada tahun 2010, berikutan peningkatan peratusan rumah kos rendah kepada jumlah isi rumah berpendapatan rendah dan akses yang lebih baik kepada bekalan air paip dan elektrik. Pelaksanaan program pembangunan perumahan seperti Program Perumahan Rakyat, Rumah Mampu Milik dan Rumah Mesra Rakyat telah meningkatkan akses kepada rumah mampu milik yang berkualiti, terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Sementara itu, liputan lebih luas bagi bekalan elektrik dan air paip terutamanya di kawasan luar bandar membolehkan rakyat menikmati kehidupan yang lebih sihat, ceria dan berkualiti. Liputan bekalan air paip telah meningkat daripada 92.0 peratus pada tahun 2000 kepada 92.4 peratus pada tahun 2010, manakala liputan bekalan elektrik daripada 89.5 peratus kepada 96.9 peratus dalam tempoh yang sama.

Carta 5-2

KOTAK 2: PERUMAHAN

Penyediaan perumahan yang mampu milik, berkualiti dan mencukupi terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah terus merupakan salah satu objektif utama pembangunan negara dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup dan kebajikan rakyat. Pada masa kini, kekurangan stok perumahan bukan lagi isu utama perumahan negara berbanding dengan isu penyediaan rumah mampu milik yang mencukupi bagi pelbagai segmen masyarakat mengikut lokasi dan kemampuan.

Dasar Perumahan Negara (DPN) telah dilancarkan pada 10 Februari 2011 untuk menyediakan perumahan yang mencukupi dan berkualiti serta memastikan kemampaman sektor perumahan. Ia juga bertujuan meningkatkan keupayaan dan aksesibiliti rakyat bagi memiliki atau menyewa rumah. DPN juga menekankan pembangunan sektor perumahan yang seimbang melalui penggunaan konsep pemajuan yang mesra alam seperti penggunaan Sistem Binaan Berindustri.

Pelaksanaan Skim Rumah Pertamaku dan Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) pada 2011 bertujuan meningkatkan peluang memiliki rumah kos sederhana kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. PR1MA dilaksanakan secara Kerjasama Awam Swasta dengan sektor swasta sebagai pemaju, manakala Kerajaan menyediakan kemudahan dana mudah cara atau tanah untuk pembangunan.


bersambung...

Skim Rumah Pertamaku dan Program Perumahan Rakyat 1Malaysia

Parameter	Skim Rumah Pertamaku	PR1MA
Kumpulan sasar	Individu berumur \leq 35 tahun dan berpendapatan $<$ RM3,000 sebulan atau berpendapatan $<$ RM6,000 sebulan bagi pinjaman bersama (suami dan isteri)	Isi rumah berpendapatan $<$ RM7,500 sebulan
Jenis kediaman	Strata atau kediaman bertanah	Strata atau kediaman bertanah
Harga rumah	RM100,000 hingga RM400,000	RM150,000 hingga RM300,000
Kelayakan dan moratorium	Pembeli rumah kali pertama dan mesti menghuni kediaman berkenaan	Pembeli rumah kali pertama, mesti menghuni kediaman berkenaan dan tidak dibenarkan menjual rumah dalam tempoh 10 tahun
Pakej pembiayaan	Pinjaman sehingga 100 peratus dan tempoh bayaran balik sehingga 30 tahun	Pinjaman sehingga 105 peratus dan tempoh bayaran balik sehingga 30 tahun

Carta 6-1


Kebudayaan dan Liburan, 2000-2010




Sub-index Performance	2000 - 2010
Pengunjung Pawagam (+)	28.6
Pelawat Muzium (+)	23.2
Penonton Istana Budaya (+)	19.0
Penginap Hotel Domestik (+)	10.4
Keahlian Perpustakaan Awam (+)	10.1

Pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan telah meningkatkan pendapatan dan kuasa beli isi rumah. Di samping itu, pelaksanaan lima hari bekerja seminggu di sektor awam dan usaha untuk melonjakkan pelancongan dalam negeri seperti Cuti-Cuti Malaysia telah menggalakkan rakyat meluangkan lebih banyak masa untuk aktiviti rekreasi dan liburan. Ini telah menyumbang kepada peningkatan **sub-indeks kebudayaan dan liburan** sebanyak 13.5 mata. Antara indikator yang menunjukkan peningkatan yang ketara adalah bilangan penginap hotel domestik yang meningkat sebanyak 68.3 peratus kepada 974.7 penginap bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2010 berbanding 579.4 pada tahun 2000. Jumlah pelawat muzium di seluruh negara meningkat sebanyak 62.5 peratus kepada hampir 3.0 juta pelawat berbanding 1.7 juta pelawat dalam tempoh yang sama. Keahlian perpustakaan awam juga meningkat sebanyak 50.9 peratus kepada 4.4 juta ahli. Namun, bilangan penonton televisyen bagi setiap 1,000 penduduk merosot sebanyak 3.8 peratus daripada 455.6 penonton pada tahun 2000. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi seperti Internet, komputer *tablet* dan permainan video mudah alih telah menyediakan medium alternatif kepada aktiviti liburan konvensional.

Carta 6-2



Carta 7-1**Pendapatan dan Pengagihan, 2000-2010**

Sub-indeks pendapatan dan pengagihan meningkat sebanyak 13.3 mata hasil daripada pendapatan per kapita negara yang lebih tinggi berikutan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan pada tahun 2010. Pendapatan per kapita meningkat daripada RM13,939 atau AS\$3,668 pada tahun 2000 kepada RM26,175 atau AS\$8,417 pada tahun 2010. Negara perlu mencapai pendapatan per kapita sekurang-kurangnya RM48,000 atau AS\$15,000² untuk memperoleh status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Semua indikator sub-indeks menunjukkan aliran positif. Pekali Gini³ yang mencerminkan jurang agihan pendapatan terus mengecil daripada 0.449 pada tahun 2000 kepada 0.441 pada tahun 2009. Kadar kemiskinan telah berkurangan daripada 7.6 peratus pada tahun 2000 kepada 3.8 peratus pada tahun 2009 menggambarkan kejayaan program pembasmian kemiskinan.

² Anggaran oleh Unit Perancangan Ekonomi, JPM dan berdasarkan definisi Bank Dunia

³ Nilai Pekali Gini berada antara 0 dan 1. Nilai 0 menunjukkan agihan pendapatan yang saksama manakala nilai 1 menunjukkan agihan pendapatan yang paling tidak saksama

Carta 7-2


	2000	2005	2010
Pendapatan Per Kapita (RM)	13,939 (13,939)	16,025 (19,951)	18,294 (26,175)
Pekali Gini	0.449	0.455	0.440
Kadar Kemiskinan	7.6	4.9	3.6

Nota: Angka dalam kurungan, dalam harga semasa



Carta 8-1

Keselamatan Awam, 2000-2010




Sub-indeks keselamatan awam pula meningkat sebanyak 10.8 mata pada tahun 2010 berikutan penurunan kadar jenayah bagi setiap 1,000 penduduk dan jumlah kemalangan bagi setiap 1,000 kenderaan. Bilangan kemalangan jalan raya telah berkurangan sebanyak 11.0 peratus daripada 23.7 kemalangan dilaporkan bagi setiap 1,000 kenderaan pada tahun 2000 kepada 21.2 pada tahun 2010. Dalam tempoh yang sama, kadar jenayah yang dilaporkan telah berkurangan sebanyak 12.0 peratus daripada 712 kes jenayah bagi setiap 100,000 orang kepada 628 kes sahaja berikutan usaha berterusan dalam mengurangkan kadar jenayah.

Antara program pencegahan jenayah yang dilaksanakan termasuk pemasangan kamera litar tertutup dan pertambahan bilangan anggota polis bertugas di kawasan yang berisiko tinggi berlaku jenayah. Di samping itu, khidmat sukarelawan seperti Skim Rondaan Sukarela dan Rakan Cop yang membuat rondaan di kawasan kediaman turut menyumbang kepada pengurangan kadar jenayah.

Carta 8-2




Carta 9-1




Sub-indeks kesihatan meningkat sebanyak 10.5 mata pada tahun 2010 dicerminkan oleh jangka hayat rakyat yang lebih panjang. Jangka hayat bagi lelaki mencapai 71.7 tahun pada 2010 berbanding dengan 70.0 tahun pada 2000. Manakala jangka hayat bagi perempuan pula meningkat kepada 76.6 tahun berbanding 74.7 tahun pada 2000. Di samping itu, kadar kematian bayi dan ibu semasa bersalin menyamai tahap yang dicapai oleh negara maju. Kadar kematian bayi berkurang daripada 6.5 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2000 kepada 6.3 pada tahun 2010. Kadar kematian ibu semasa bersalin juga berkurang daripada 30.6 kepada 27.6 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup dalam tempoh yang sama. Selain itu, penambahbaikan ketara dalam nisbah doktor-penduduk daripada 1:1,504 pada tahun 2000 kepada 1:899 pada tahun 2010 membolehkan rakyat menikmati perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti. Akses kepada perkhidmatan kesihatan juga diperluas dengan pembinaan 39 buah klinik baharu dan penubuhan 51 buah Klinik 1Malaysia di kawasan bandar serta 81 buah klinik baharu di kawasan luar bandar di seluruh negara.

Carta 9-2




Carta 10-1




Sub-indeks penyertaan sosial mencatat peningkatan sebanyak 10.1 mata pada tahun 2010 berikutan pertambahan bilangan persatuan penduduk berdaftar dan keahlian pertubuhan bukan bermotifkan keuntungan yang berdaftar. Bilangan persatuan penduduk berdaftar meningkat daripada 1,607 persatuan kepada 3,775 persatuan pada tahun 2010 mencerminkan perkembangan yang positif ke arah mewujudkan masyarakat penyayang dan harmoni. Bilangan keahlian pertubuhan bukan bermotifkan keuntungan yang berdaftar meningkat sebanyak 35.0 peratus kepada 43,616 pada tahun 2010 berbanding 32,304 pada tahun 2000. Perkembangan yang menggalakkan ini menggambarkan peningkatan kesedaran rakyat terhadap kepentingan penglibatan secara aktif dalam menangani isu-isu berkaitan alam sekitar, keselamatan dan kebajikan. Namun, peratusan pengundi berdaftar kepada penduduk yang layak mengundi berkurangan daripada 75.7 peratus pada tahun 2000 kepada 68.1 peratus pada tahun 2010.

Carta 10-2





Carta 11-1




Sub-indeks alam sekitar meningkat sebanyak 6.6 mata pada tahun 2010 berikutan peningkatan kualiti air sungai terpilih dan lebih banyak kawasan mencatatkan kualiti udara yang baik. Peratusan sungai bersih meningkat daripada 28.0 peratus pada tahun 2000 kepada 51.0 peratus pada tahun 2010. Manakala peratusan stesen yang mencatatkan kualiti udara yang baik meningkat daripada 84.3 peratus kepada 86.1 peratus dalam tempoh tersebut. Dalam tempoh 2006-2009, kemerosotan sub-indeks alam sekitar adalah disebabkan masalah jerebu di rantau Asia Tenggara. Pengenalan dan pelaksanaan dasar bagi memulihara alam sekitar seperti Dasar Alam Sekitar Negara, Dasar Teknologi Hijau Negara dan Dasar Perubahan Iklim Negara merupakan komitmen Kerajaan ke arah pembangunan mampan. Pelaksanaan Pengurusan Hutan Mampan dan inisiatif lain seperti projek *Central Forest Spine* di Semenanjung Malaysia dan *Heart of Borneo* di Sabah dan Sarawak telah meningkatkan kelestarian hutan dan sumber alam.

Carta 11-2



Carta 12-1



Sub-indeks persekitaran kerja menunjukkan peningkatan sebanyak 4.6 mata pada tahun 2010 berikutan pencapaian positif bagi kebanyakan indikator. Penurunan jumlah kemalangan perusahaan, pertikaian perusahaan dan jumlah kehilangan hari bekerja kerana tindakan perusahaan mencerminkan persekitaran kerja yang lebih kondusif. Jumlah kemalangan perusahaan berkurangan daripada 95,006 kes pada tahun 2000 kepada 60,405 kes pada tahun 2010, manakala jumlah pertikaian perusahaan berkurangan daripada 436 kes kepada 344 kes dalam tempoh yang sama. Kadar pengangguran pada tahun 2010 adalah lebih tinggi iaitu 3.4 peratus berbanding hanya 3.0 peratus pada tahun 2000. Walaupun kadar ini masih berada di tahap guna tenaga penuh berasaskan piawaian antarabangsa, namun ia telah memberi kesan terhadap prestasi keseluruhan sub-indeks persekitaran kerja pada tahun 2010.

Carta 12-2




KOTAK 3: GAJI MINIMUM KEBANGSAAN

The National Employment Return Study 2009 oleh Kementerian Sumber Manusia mendapati 33.8 peratus pekerja menerima gaji kurang daripada RM700 sebulan. Manakala, kajian oleh Bank Dunia pula mendapati kadar gaji di Malaysia hanya meningkat sebanyak 2.6 peratus setahun sejak 10 tahun yang lepas berbanding dengan produktiviti buruh yang meningkat sebanyak 6.7 peratus setahun. Pertumbuhan kadar gaji dan produktiviti yang tidak sejajar boleh menyebabkan herotan dalam pasaran buruh. Majlis Perundingan Gaji Negara telah ditubuhkan di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 bagi mengkaji dan mengemukakan syor mengenai tahap gaji minimum yang munasabah mengikut sektor, wilayah dan jenis pekerjaan. Berdasarkan rundingan antara majikan dan pekerja di seluruh negara, kadar gaji minimum telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 30 April 2012. Sebaik sahaja ia dilaksanakan, majikan dikehendaki membayar gaji pekerja sekurang-kurangnya RM900 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan RM800 sebulan bagi Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan.

Objektif utama pelaksanaan dasar gaji minimum adalah untuk menangani isu ketidakcekapan dalam pasaran buruh yang menyebabkan pengurangan guna tenaga dan eksloitasi pekerja bagi meningkatkan keuntungan; menggalakkan peningkatan produktiviti dan mengurangkan kemiskinan dan ketaksamaan melalui peningkatan gaji pekerja berpendapatan rendah. Selain itu, gaji minimum kebangsaan juga bertujuan mengelakkan eksloitasi majikan ke atas pekerja asing berkemahiran rendah yang sanggup menerima gaji yang rendah.

Dari segi perspektif jangka panjang, inisiatif ini bertujuan mengoptimumkan penyertaan tenaga kerja tempatan dalam pasaran buruh serta menggalakkan industri beralih ke rantai nilai yang lebih tinggi dengan melabur dalam teknologi tinggi dan meningkatkan produktiviti pekerja. Pelaksanaan dasar gaji minimum dijangka dapat meningkatkan pendapatan ke tahap yang lebih baik khususnya bagi pekerja yang bergaji kurang daripada RM700 sebulan. Ini akan meningkatkan taraf hidup pekerja dan keluarga mereka serta masyarakat secara keseluruhannya.

Carta 13-1




Sub-indeks kehidupan keluarga meningkat sebanyak 4.6 mata pada tahun 2010 disumbang oleh pengurangan jenayah juvana dan peningkatan pendapatan purata isi rumah. Jenayah juvana mengurang separuh kepada 0.06 peratus pada tahun 2010. Peningkatan pendapatan purata isi rumah daripada RM2,640⁴ pada tahun 2000 kepada RM4,206⁵ pada tahun 2010 telah memberi impak positif dalam kehidupan keluarga. Walau bagaimanapun, peningkatan peratusan perceraian dalam kalangan penduduk berumur 18 hingga 50 tahun telah menyederhanakan pencapaian indeks keseluruhan. Kadar perceraian mencatat peningkatan daripada 0.13 peratus pada tahun 2000 kepada 0.22 pada tahun 2010. Kerajaan sedar akan kepentingan institusi kekeluargaan dalam menghadapi kehidupan moden yang mencabar. Oleh yang demikian, pelbagai program telah diperkenal bagi mengukuhkan pertalian keluarga seperti program pra-perkahwinan, *SMARTSTART*, *Parenting@Work* serta kursus di bawah modul KASIH.

⁴ Anggaran bagi tujuan perkiraan IKHM 2010

⁵ Ibid

Carta 13-2



PENUTUP



PENUTUP

Kualiti Hidup Malaysia, 2000-2010

ecara keseluruhannya, kualiti hidup rakyat Malaysia bagi tempoh 2000-2010 telah meningkat. Sub-indeks pendidikan mencatatkan peningkatan yang tertinggi. Ini menunjukkan pelbagai usaha penambahbaikan dalam sistem pendidikan negara. Sub-indeks pengangkutan dan komunikasi merupakan penyumbang kedua tertinggi kepada peningkatan IKHM, diikuti oleh perumahan, pendapatan dan pengagihan, keselamatan awam serta kesihatan.

Pencapaian indikator IKHM ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sehubungan ini, bagi tempoh sehingga tahun 2020, Kerajaan telah dan akan melaksanakan Dasar Transformasi Nasional yang mengandungi empat tonggak utama merangkumi Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Politik dan Program Transformasi Luar Bandar yang dijangka meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat Malaysia.

LAMPIRAN



JADUAL PERANGKAAN

Komponen	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000
1.1 Indeks Kualiti Hidup Malaysia											
Pendapatan dan Pengagihan	88.4	87.8	87.0	89.7	92.0	94.1	95.8	97.1	98.5	101.4	100.0
Persekutaran Kerja	80.8	85.4	87.1	85.3	88.8	91.1	96.8	98.3	94.3	92.7	100.0
Pengangkutan dan Komunikasi	90.6	91.1	91.5	92.0	92.6	93.2	94.1	96.0	96.4	96.9	100.0
Kesihatan	89.3	90.4	91.9	93.1	94.3	95.4	97.7	100.6	98.5	97.4	100.0
Pendidikan	88.2	89.5	89.9	91.1	93.4	91.6	93.3	95.1	96.7	97.8	100.0
Perumahan	79.9	92.2	93.5	94.8	91.5	96.8	99.0	100.6	102.6	103.4	100.0
Alam Sekitar	107.3	105.3	103.1	103.3	101.8	105.0	107.7	104.7	111.1	111.3	100.0
Kehidupan Keluarga	94.9	95.7	97.8	96.9	100.7	100.8	105.9	104.4	103.0	97.1	100.0
Penyertaan Sosial	95.1	95.0	94.9	96.2	97.3	97.5	97.6	98.2	98.9	98.8	100.0
Keselamatan Awam	125.2	125.4	115.2	109.5	111.2	111.2	107.0	100.3	101.9	101.2	100.0
Kebudayaan dan Liburan	92.0	92.4	92.6	93.2	93.6	93.1	93.8	96.5	97.5	98.2	100.0
Indeks Komposit	93.8	95.5	94.9	95.0	96.1	97.3	99.0	99.3	100.0	99.7	100.0

Komponen	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Indeks Kualiti Hidup Malaysia										
Pendapatan dan Pengagihan	97.7	96.1	96.9	97.6	102.3	107.4	112.2	112.3	112.1	113.3
Persekutaran Kerja	99.3	99.3	101.0	103.0	101.2	103.5	106.5	105.7	103.5	104.6
Pengangkutan dan Komunikasi	102.3	103.8	105.4	107.3	115.2	108.9	110.9	113.3	115.9	120.3
Kesihatan	99.7	101.9	104.4	106.2	106.9	108.1	107.8	108.4	109.1	110.5
Pendidikan	101.0	102.4	104.1	105.6	106.0	108.3	111.1	115.3	117.9	120.4
Perumahan	102.2	103.4	103.8	105.9	108.0	110.8	108.4	111.7	113.3	115.7
Alam Sekitar	101.2	107.1	107.9	106.2	105.3	98.7	100.3	101.9	100.9	106.6
Kehidupan Keluarga	100.3	100.4	101.3	99.0	97.2	100.0	99.0	101.0	100.8	104.6
Penyertaan Sosial	100.9	100.9	102.3	103.3	96.8	98.1	101.6	103.5	106.1	110.1
Keselamatan Awam	103.0	105.1	104.5	103.6	109.0	105.9	104.9	107.7	107.8	110.8
Kebudayaan dan Liburan	95.1	102.8	99.8	102.2	104.5	104.8	106.5	108.6	110.3	113.5
Indeks Komposit	100.2	102.1	102.8	103.6	104.8	105.0	106.3	108.1	108.9	111.9

	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000
1.2 Indikator Pendidikan											
Kadar Celik Huruf (+)	85.2	85.9	85.5	86.3	90.0	86.6	87.8	88.2	88.6	89.2	90.0
Kadar Penyertaan Prasekolah (+)	5.0	5.2	5.2	5.0	5.5	5.5	5.8	5.2	5.1	4.9	5.1
Kadar Penyertaan Sekolah Menengah (+)	68.4	67.7	68.6	69.9	71.0	72.4	74.5	76.3	78.1	79.2	83.1
Kadar Penyertaan Tertiari (+)	2.1	2.3	2.5	2.6	2.7	2.9	3.2	3.9	4.6	4.9	5.0
Nisbah Guru – pelajar Sekolah Rendah (-)	20.4	20.2	20.1	20.0	19.9	20.1	19.6	19.1	18.7	18.5	19.0
Nisbah Guru – pelajar Sekolah Menengah (-)	18.9	18.0	17.9	17.8	18.2	18.7	18.9	18.6	18.5	18.6	17.6
% Guru Siswazah (+)	14.3	15.1	16.2	17.5	18.1	19.6	20.5	22.1	23.3	24.8	25.9

	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Indikator Pendidikan										
Kadar Celik Huruf (+)	90.4	90.6	91.3	91.5	91.6	92.5	92.3	92.1	92.7	93.1
Kadar Penyertaan Prasekolah (+)	5.0	5.5	12.0	13.6	16.2	18.7	23.3	31.0	36.5	44.5
Kadar Penyertaan Sekolah Menengah (+)	79.8	78.6	78.5	79.0	80.0	80.2	81.2	83.0	83.8	84.9
Kadar Penyertaan Tertiari (+)	6.3	7.0	7.0	7.3	5.6	6.7	8.4	9.0	9.0	9.0
Nisbah Guru – pelajar Sekolah Rendah (-)	18.4	18.1	17.6	17.2	16.5	16.1	15.7	14.2	13.3	13.0
Nisbah Guru – pelajar Sekolah Menengah (-)	17.2	16.5	16.4	16.3	16.2	16.1	15.5	13.9	13.7	13.4
% Guru Siswazah (+)	27.7	30.1	31.3	35.8	38.0	41.7	44.5	45.8	50.9	55.8

	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000
1.3 Indikator Pengangkutan dan Komunikasi											
Kereta dan Motosikal Persendirian (setiap '000 penduduk) (+)	225	238	247	259	278	298	323	351	367	382	405
Telefon – Talian Tetap dan Mudah Alih (setiap '000 penduduk) (+)	118	130	145	161	190	221	242	387	294	314	421
Pelanggan Internet Termasuk Jalur Lebar (setiap '000 penduduk) (+)	0	0	0	0	0	0	3	9	18	29	71
Indeks Pembangunan Jalan Raya (+)	0.70	0.71	0.72	0.74	0.74	0.74	0.76	0.77	0.79	0.75	0.75

	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Indikator Pengangkutan dan Komunikasi										
Kereta dan Motosikal Persendirian (setiap '000 penduduk) (+)	421	439	458	482	509	537	565	597	625	634
Telefon – Talian Tetap dan Mudah Alih (setiap '000 penduduk) (+)	507	560	624	740	907	890	1,022	1,165	1,238	1,339
Pelanggan Internet Termasuk Jalur Lebar (setiap '000 penduduk) (+)	88	106	114	127	139	28	41	62	94	167
Indeks Pembangunan Jalan Raya (+)	0.81	0.80	0.84	0.85	1.35	1.217	1.209	1.203	1.207	1.218

	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000
1.4 Indikator Perumahan											
% Unit Rumah Kos Rendah kepada Jumlah Isi Rumah Berpendapatan Rendah (+)	18	24	30	39	48	58	56	55	58	62	65
% Unit Rumah dengan Bekalan Air Paip (+)	83.2	85.7	86.1	86.4	86.8	87.2	87.4	88.3	89.4	89.4	92.0
% Unit Rumah dengan Bekalan Elektrik (+)	80.0	90.5	91.1	91.7	87.0	92.0	94.3	95.1	95.8	96.5	89.5

	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Indikator Perumahan										
% Unit Rumah Kos Rendah kepada Jumlah Isi Rumah Berpendapatan Rendah (+)	69	75	83	91	119	152	192	206	221	236
% Unit Rumah dengan Bekalan Air Paip (+)	92.7	93.2	93.0	93.6	94.1	94.8	90.5	90.9	91.5	92.4
% Unit Rumah dengan Bekalan Elektrik (+)	90.9	91.4	91.5	92.7	92.9	93.3	93.5	95.9	96.2	96.9

	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000
1.5 Indikator Kebudayaan dan Liburan											
Keahlian Perpustakaan Awam (juta) (+)	0.157	0.162	0.189	0.213	0.222	0.243	0.277	2.436	2.476	2.557	2.933
Penonton TV (setiap '000 penduduk) (+)	490.1	489.9	488.7	489.1	486.7	475.7	473.2	466.4	473.2	470.5	473.7
Penginap Hotel Domestik (setiap '000 penduduk) (+)	288	286	259	303	346	344	440	513	447	506	579
Penonton Istana Budaya ('000) (+)	45.8	48.8	51.9	55.2	58.7	62.4	66.4	70.6	75.1	79.9	85.0
Pelawat Muzium (juta) (+)	1.03	1.08	1.14	1.20	1.26	1.33	1.40	1.47	1.55	1.63	1.72
Pengunjung Pawagam (juta) (+)	1.4	1.7	2.0	2.4	3.0	3.6	4.3	5.2	6.3	7.6	9.2

	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Indikator Kebudayaan dan Liburan										
Keahlian Perpustakaan Awam (juta) (+)	2.638	2.892	3.068	3.003	3.246	3.294	3.624	3.719	4.119	4.427
Penonton TV (setiap '000 penduduk) (+)	465.2	493.7	473.6	460.9	466.7	438.3	438.8	444.2	439.5	455.6
Penginap Hotel Domestik (setiap '000 penduduk) (+)	645	666	724	1,073	1,130	1,189	1,334	1,475	1,180	975
Penonton Istana Budaya ('000) (+)	24.9	91.1	38.1	64.7	77.4	126.8	122.2	127.4	151.6	152.1
Pelawat Muzium (juta) (+)	1.32	1.75	1.94	2.08	1.98	2.06	2.11	1.97	2.48	2.79
Pengunjung Pawagam (juta) (+)	11.1	10.2	12.8	16.7	25.9	27.7	33.6	43.9	44.1	54.3

	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000
1.6 Indikator Pendapatan dan Pengagihan											
Pendapatan Per Kapita Sebenar (RM) (+)	9,551	10,101	10,536	11,275	11,959	12,727	13,622	14,370	13,268	13,515	13,939
Pekali Gini (-)	0.446	0.450	0.454	0.455	0.455	0.456	0.457	0.459	0.451	0.443	0.449
Kadar Kemiskinan (-)	15.8	15.2	14.6	12.3	10.3	8.7	7.3	6.1	7.2	8.5	7.6

	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Indikator Pendapatan dan Pengagihan										
Pendapatan Per Kapita Sebenar (RM) (+)	13,752	14,222	14,882	15,550	16,025	16,987	17,760	17,949	17,832	18,294
Pekali Gini (-)	0.455	0.461	0.461	0.462	0.455	0.448	0.441	0.441	0.441	0.440
Kadar Kemiskinan (-)	6.7	6.0	5.8	5.7	4.9	4.2	3.6	3.7	3.8	3.6

	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000
1.7 Indikator Keselamatan Awam											
Kadar Jenayah (setiap '000 penduduk)	3.8	3.6	3.7	3.9	3.7	3.9	4.2	5.6	7.2	7.4	7.1
Kemalangan Jalan Raya (setiap '000 kenderaan)	19.4	19.5	22.5	24.0	23.8	23.6	24.6	25.2	23.1	23.0	23.7

	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Indikator Keselamatan Awam										
Kadar Jenayah (setiap '000 Penduduk)	6.5	6.0	6.2	6.0	5.9	7.4	7.7	7.7	7.5	6.3
Kemalangan Jalan Raya (setiap '000 kenderaan)	23.5	23.3	23.3	23.7	22.2	21.6	21.6	20.8	20.9	21.2

	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000
1.8 Indikator Kesihatan											
Jangka Hayat Lelaki (+)	68.9	69.0	69.2	69.4	69.4	69.4	69.3	69.5	69.7	69.9	70.0
Jangka Hayat Perempuan (+)	73.5	73.7	73.9	73.8	74.0	74.1	74.1	74.3	74.7	74.9	74.7
Nisbah Doktor-penduduk (-)	2,582	2,577	2,467	2,363	2,277	2,153	2,076	1,521	1,477	1,465	1,504
Kadar Kematian Bayi (setiap '000 kelahiran hidup) (-)	13.3	12.5	12.1	11.3	10.9	10.4	9.1	8.8	8.3	7.9	6.5
Kadar Kematian Ibu Bersalin (-)	18.6	19.2	19.5	19.6	19.2	19.3	15.6	16.8	29.1	36.2	30.6

	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Indikator Kesihatan										
Jangka Hayat Lelaki (+)	70.6	70.8	70.9	71.1	71.4	71.5	71.5	71.6	71.7	71.7
Jangka Hayat Perempuan (+)	75.1	75.3	75.6	75.9	76.2	76.5	76.4	76.4	76.5	76.6
Nisbah Doktor-penduduk (-)	1,606	1,553	1,431	1,354	1,398	1,393	1,300	1,204	1,009	899
Kadar Kematian Bayi (setiap '000 kelahiran hidup) (-)	5.7	6.5	6.6	6.5	6.6	6.2	6.2	6.2	7.0	6.3
Kadar Kematian Ibu Bersalin (-)	38.6	32.8	28.5	27.2	27.9	27.5	29.0	28.9	28.3	27.6

	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000
1.9 Indikator Penyertaan Sosial											
Pengundi Berdaftar (% kepada penduduk berumur 21 tahun dan ke atas) (+)	86.6	85.0	83.3	84.5	84.7	81.8	80.1	79.3	79.2	76.5	75.7
Keahlian Pertubuhan Bukan Bermotifkan Keuntungan yang Berdaftar (+)	21,532	22,215	22,883	23,883	25,025	27,175	28,219	29,098	29,574	30,572	32,304
Persatuan Penduduk Berdaftar (+)	406	469	564	647	754	860	964	1,090	1,248	1,410	1,607

	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Indikator Penyertaan Sosial										
Pengundi Berdaftar (% kepada penduduk berumur 21 tahun dan ke atas) (+)	74.6	72.1	71.2	68.4	65.8	64.4	67.1	66.0	65.6	68.1
Keahlian Pertubuhan Bukan Bermotifkan Keuntungan yang Berdaftar (+)	34,148	35,758	38,315	40,660	31,873	33,661	35,987	38,170	40,742	43,616
Persatuan Penduduk Berdaftar (+)	1,738	1,818	1,945	2,249	2,032	2,331	2,642	2,988	3,409	3,775

	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000
1.10 Indikator Alam Sekitar											
Indeks Kualiti Udara (% stesen dengan IPU <50) (+)	75.0	80.0	85.0	87.0	82.0	83.0	96.1	78.4	96.1	96.1	84.3
Indeks Kualiti Air (% sungai bersih yang dipantau) (+)	53	43	29	28	33	42	36	21	28	27	28
Peratusan Tanah Berhutan (+)	59	58	58	58	57	58	57	62	61	61	56

	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Indikator Alam Sekitar										
Indeks Kualiti Udara (% stesen dengan IPU <50) (+)	72.6	64.7	78.4	74.5	84.2	64.2	62.4	75.8	69.0	86.1
Indeks Kualiti Air (% sungai bersih yang dipantau) (+)	50	53	49	48	55	56	64	53	55	51
Peratusan Tanah Berhutan (+)	56	61	59	59	55	55.2	55.3	55.2	55.8	56.3

	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000
1.11 Indikator Kehidupan Keluarga											
Kadar Perceraian (% kepada penduduk berumur 18-50) (-)	0.14	0.15	0.14	0.14	0.13	0.13	0.12	0.13	0.15	0.13	0.13
Saiz Isi Rumah (-)	4.8	4.8	4.7	4.7	4.6	4.6	4.4	4.4	4.4	4.6	4.5
Kadar Jenayah Juvana (% kepada penduduk berumur 10-18) (-)	0.05	0.04	0.05	0.06	0.05	0.07	0.07	0.08	0.09	0.13	0.12
Pendapatan Purata Isi Rumah (+)	1,288	1,419	1,563	1,703	1,854	2,020	2,294	2,606	2,538	2,472	2,640

	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Indikator Kehidupan Keluarga										
Kadar Perceraian (% kepada penduduk berumur 18-50) (-)	0.14	0.14	0.14	0.16	0.16	0.18	0.18	0.19	0.23	0.22
Saiz Isi Rumah (-)	4.5	4.5	4.5	4.5	4.5	4.4	4.4	4.4	4.4	4.3
Kadar Jenayah Juvana (% kepada penduduk berumur 10-18) (-)	0.12	0.12	0.11	0.13	0.15	0.13	0.14	0.12	0.08	0.06
Pendapatan Purata Isi Rumah (+)	2,819	3,011	3,128	3,249	3,389	3,534	3,686	3,852	4,025	4,206

	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000
1.12 Indikator Persekutaran Kerja											
Kadar Pengangguran (-)	4.5	4.1	3.7	4.1	3.6	3.1	2.5	2.4	3.2	3.4	3.0
Pertikaian Perusahaan (-)	572	502	551	534	503	511	476	463	442	496	436
Kehilangan Hari Bekerja Kerana Tindakan Perusahaan ('000) (-)	30.2	23.5	16.2	7.2	5.7	4.9	2.6	2.4	2.7	1.2	0.7
Kadar Kemalangan Industri ('000) (-)	124.0	127.4	132.9	134.5	125.5	117.2	109.4	89.0	88.4	95.2	95.0
Kesaksamaan Gender Dalam Penyertaan Tenaga Buruh (+)	0.551	0.549	0.548	0.521	0.516	0.512	0.523	0.515	0.504	0.510	0.552

	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Indikator Persekutaran Kerja										
Kadar Pengangguran (-)	3.5	3.5	3.6	3.5	3.5	3.3	3.2	3.3	3.7	3.4
Pertikaian Perusahaan (-)	379	432	378	321	381	333	302	267	330	344
Kehilangan Hari Bekerja Kerana Tindakan Perusahaan ('000) (-)	0.6	0.2	0.01	0.30	0.42	0.05	0.02	0.03	1.13	0.18
Kadar Kemalangan Industri ('000) (-)	85.9	81.8	81.0	77.7	70.7	68.0	56.3	63.2	61.2	60.4
Kesaksamaan Gender Dalam Penyertaan Tenaga Buruh (+)	0.545	0.554	0.561	0.562	0.552	0.553	0.562	0.556	0.567	0.565

NOTA TEKNIKAL

Perkiraan Indeks Kualiti Hidup Malaysia




Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) adalah indeks komposit yang berasaskan kepada 11 komponen berikut:

- Pendidikan
- Pengangkutan dan Komunikasi
- Perumahan
- Kebudayaan dan Liburan
- Pendapatan dan Pengagihan
- Keselamatan Awam
- Kesihatan
- Penyertaan Sosial
- Alam Sekitar
- Kehidupan Keluarga
- Persekutaran Kerja

Sejumlah 45 indikator telah dipilih untuk mewakili 11 komponen tersebut. Indikator yang dipilih untuk setiap komponen adalah berasaskan sejauh mana ianya dapat menggambarkan sesuatu komponen berkenaan dan sejauh mana terdapatnya data siri masa. Semua indikator diberikan tanda positif atau negatif. Bagi indikator yang bertanda positif (seperti jangka hayat dan kadar celik huruf) bermakna sebarang peningkatan pada nilai angka menandakan keadaan yang lebih baik, sementara indikator yang bertanda negatif (seperti kadar kematian bayi dan kadar pengangguran) menunjukkan sebaliknya. Bagi indikator yang bertanda negatif, pembetulan terhadap arah aliran akan dibuat supaya menunjukkan kemajuan kesejahteraan hidup manakala kemerosotan arah aliran akan menunjukkan sebaliknya. Ini adalah perlu untuk memastikan pembacaan arah aliran untuk pelbagai indeks termasuk indeks komposit adalah sama.

Struktur Indeks Kualiti Hidup Malaysia



Data yang digunakan untuk perkiraan IKHM adalah meliputi tempoh 1990-2010. Tahun 2000 telah dipilih sebagai tahun asas memandangkan ia merupakan tahun yang secara relatif normal dan masih tidak jauh ke belakang. Dengan ini nilai bagi semua indeks pada tahun 2000 adalah bersamaan dengan 100.

Bagi membolehkan unit indeks dibuat perbandingan, data yang digunakan hendaklah diseragam dengan menggunakan rekod pencapaian lampau oleh setiap indikator. Kaedah sisihan piawai digunakan bagi mengukur piawaian untuk setiap indikator supaya ianya dapat digunakan bagi menyeragamkan setiap indikator dan membolehkan ianya dijumlahkan untuk menghasilkan indeks komposit. Sisihan piawai akan menentukan nilai taburan frekuensi diletakkan di sekitar nilai purata dengan tahap ketepatan yang lebih tinggi. Menurut teorem Chebsyev, walau apapun bentuk taburan, sekurang-kurangnya 75 peratus daripada nilainya akan jatuh di dalam +2 sisihan piawai daripada nilai purata taburan dan sekurang-kurangnya 89 peratus daripada nilai akan berada di antara +3 sisihan piawai daripada nilai purata taburan.

LANGKAH 1:

Perkiraan Markah Piawai bagi setiap Indikator pada Tahun_i

Bagi perkiraan IKHM, langkah pertama adalah untuk mendapatkan markah piawai bagi setiap indikator pada setiap tahun. Markah piawai menunjukkan pemerhatian dalam bentuk unit sisihan piawai melebihi atau kurang daripada nilai purata, seperti perubahan pada pemerhatian dengan menolak nilai purata (nilai tahun asas) dan membahagikannya dengan sisihan piawai. Markah piawai dikira daripada data seperti ditunjukkan di bawah:

Markah Piawai Indikator, z:

$$z = \frac{|y_i - y_o|}{\sigma}$$

di mana:

y_i = Nilai indikator dalam tahun i

y_o = Nilai indikator dalam tahun asas

σ = Sisihan piawai bagi siri data

Contoh: Markah piawai jangka hayat semasa lahir (lelaki) pada tahun 2010

$$= \frac{|I(2010) - I(2000)|}{\sigma}$$

$$= \frac{71.7 - 70.0}{1.01}$$

$$= 1.68$$

LANGKAH 2:

Indeks Indikator pada Tahun,

(i) Indeks Indikator (Korelasi Positif)

Indeks indikator bagi setiap tahun diperolehi dengan mendarabkan markah piawai dengan 10 dan menambahkan 100 seperti yang ditunjukkan di bawah. Walau bagaimanapun, ini hanya boleh digunakan bagi indikator positif seperti jangka hayat dan tahap celik huruf, di mana peningkatan pada nilai angka menunjukkan keadaan yang lebih baik.

Indeks Indikator, S_i :

$$S_i = 100 + (z^*10)$$

Contoh: Indeks indikator bagi jangka hayat semasa lahir (lelaki) pada tahun 2010

$$= 100 + (1.68^*10)$$

$$= 116.8$$

(ii) Indeks Indikator (korelasi negatif)

Indeks Indikator, S_i :

$$S_i = 100 - (z^*10)$$

Contoh: Indeks indikator bagi kadar kematian bayi pada tahun 2010

$$= 100 - (z^*10)$$

$$= 100 - (-0.84^*10)$$

$$= 108.4$$

Bagi indikator negatif seperti kadar kematian bayi dan kadar pengangguran di mana peningkatan pada nilai angka menunjukkan kemerosotan, perkiraan indeks indikator untuk indikator berkenaan telah diselaraskan.

LANGKAH 3:

Sub-indeks bagi Komponen pada Tahun_i

Sub-indeks untuk setiap komponen diperolehi dengan mengira purata bagi jumlah indeks indikator seperti berikut:

Sub-indeks bagi komponen, A_i:

$$A_i = \frac{\sum S_i}{n}$$

di mana:

S_i = Indeks indikator

n = Bilangan indikator

Contoh: Sub-indeks Kesihatan pada tahun 2010

= Indeks indikator [Jangka Hayat (Lelaki) + Jangka Hayat (Perempuan) + Kadar Kematian Bayi + Nisbah Doktor-penduduk + Kadar kematian ibu semasa bersalin]

n

$$= \frac{117.17 + 117.96 + 100.84 + 111.97 + 104.68}{5}$$

$$= 110.5$$

LANGKAH 4:

Indeks Komposit pada Tahun_i

Indeks Komposit diperolehi dengan mengira purata jumlah sub-indeks bagi setiap komponen.

Indeks Komposit:

$$= \frac{\sum A_i}{n}$$

di mana:

A_i = Sub-indeks bagi komponen

n = Bilangan komponen

Contoh: Indeks Kualiti Hidup Malaysia pada Tahun 2010

= Sub-indeks [Pendapatan dan Pengagihan + Persekutaran Kerja + Pengangkutan dan Komunikasi + Kesihatan + Pendidikan + Perumahan + Alam Sekitar + Kehidupan Keluarga + Penyertaan Sosial + Keselamatan Awam + Kebudayaan dan Liburan]

n

$$= 113.34 + 104.57 + 120.27 + 110.52 + 120.43 + 115.68 + 106.64 + 104.64 + 110.05 + 110.84 + 113.48$$

11

MQLI = 111.9

RASIONAL PEMILIHAN KOMPONEN

Kualiti Hidup Malaysia

PENDIDIKAN

Sistem pendidikan merupakan alat utama bagi penyampaian pengetahuan dan budaya dari satu generasi ke generasi yang lain. Ia menyediakan asas bagi pembentukan dan peningkatan teknologi yang diperlukan untuk mengekal serta memperbaiki kualiti hidup.

PENGANGKUTAN DAN KOMUNIKASI

Pengangkutan dan komunikasi merupakan faktor penting dalam menilai kemajuan dan pembangunan kerana ia membolehkan sumber mudah diangkut dan diperolehi di samping menyediakan peluang pekerjaan, pendidikan serta pergerakan barang dan perkhidmatan.

PERUMAHAN

Rumah merupakan keperluan asas sosial untuk kehidupan yang sempurna, memberi keselamatan dan perlindungan kepada keluarga.

KEBUDAYAAN DAN LIBURAN

Kebudayaan dan liburan adalah bidang penting yang menentukan hala tuju dan menjadi asas kepada pembentukan identiti sesebuah masyarakat. Kebudayaan digambarkan melalui kelakuan dan pemikiran manusia, yang mempengaruhi cara percakapan dan amalan sosial serta keagamaan sesebuah masyarakat.

PENDAPATAN DAN PENGAGIHAN

Pendapatan kasar atau pendapatan per kapita adalah proksi bagi menggambarkan kebijakan atau taraf hidup. Pendapatan membolehkan individu menampung perbelanjaan bagi diri serta keluarga mereka manakala agihan pendapatan pula menggambarkan kesaksamaan dan pengagihan sumber ekonomi.

KESELAMATAN AWAM

Keselamatan awam adalah penting bagi menjamin keamanan dan kestabilan sosial yang menyumbang kepada hidup yang lebih berkualiti.

KESIHATAN

Kesihatan yang merangkumi kesejahteraan jasmani dan mental membolehkan manusia bekerja dengan produktif serta melibatkan diri secara aktif dalam kehidupan sosial dan ekonomi masyarakat.

PENYERTAAN SOSIAL

Penyertaan sosial menggambarkan komitmen dan kesediaan orang ramai untuk terlibat dalam aktiviti sosial, politik, keagamaan dan aktiviti kemasyarakatan.

ALAM SEKITAR

Alam sekitar mempunyai kesan langsung ke atas kesejahteraan penduduk. Pencemaran udara dan air serta kawasan hutan adalah antara petunjuk kualiti alam sekitar.

KEHIDUPAN KELUARGA

Unit keluarga mewakili institusi utama dalam struktur sosial dan berfungsi memenuhi keperluan sosial, ekonomi dan psikologi individu.

PERSEKITARAN KERJA

Persekitaran kerja adalah penting kerana persekitaran kerja yang kondusif, selamat dan sihat menyumbang kepada peningkatan produktiviti pekerja. Produktiviti yang tinggi dapat menjamin pendapatan yang lebih baik dan seterusnya meningkatkan taraf ekonomi dan kualiti hidup.

